# Latihan Pengukuhan Kata Nama Khas

Nama:

A. Pilih kata nama khas dalam ayat-ayat berikut.

| | |
|---|---|
| 1. | Setiap hari Ahad, Rukun Tetangga Taman Megah akan mengadakan mesyuarat di dewan serbaguna. |
| 2. | Kami sekeluarga menunggu kakak pulang dari Los Angeles di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. |
| 3. | Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah mengadakan pelbagai promosi untuk menarik pelancong-pelancong datang ke Malaysia. |
| 4. | Tunku Abdul Rahman digelar sebagai Bapa Kemerdekaan kerana jasanya membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah. |
| 5. | Perdana Menteri telah merasmikan Hari Kemerdekaan yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil. |

B. Pilih jawapan yang sesuai.

1. Adik menangis kerana _____ kucing kesayangannya tidak pulang sejak semalam.

A. Toshiba
B. Iphone
C. Tompok
D. Asus

2. Pelbagai jenis binatang buas boleh didapati di _____.

A. Stadium Negara
B. Zoo Negara
C. Muzium Negara
D. Masjid Negara

3. Rakyat Malaysia menyambut _____ pada 31 Ogos setiap tahun.

A. Hari Kanak-kanak
B. Hari Guru
C. Hari Ibu
D. Hari Kemerdekaan

LIVEWORKSHEETS